

# BAB 1

## PENGENALAN

### 1.1 PENDAHULUAN

Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR 1982) yang telah dilaksanakan selama 12 tahun (1982-1993) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR 1994) yang mula dilaksanakan pada tahun 1994 merupakan perubahan besar kepada kurikulum dalam pendidikan rendah di Malaysia. Tujuan utama KBSR adalah untuk membolehkan murid sekolah rendah menguasai 3M (membaca, menulis dan mengira). Dengan penguasaan kemahiran membaca, menulis dan mengira yang kukuh di sekolah rendah, mereka akan memperkembangkan kemahiran asas ini di peringkat pembelajaran yang lebih tinggi.

Dalam "Mengapa 3M", teks ucapan menteri Pelajaran Y.B. Datuk Musa Hitam, pada 17 Januari 1981, beliau berkata,

" ... [KBSR] hendaklah berdasarkan prinsip bahawa murid-murid hendaklah diberi kemahiran asas bagi membolehkan mereka itu, dalam proses mengikuti mata pelajaran mereka, memahami alam sekitarnya, memahami budayanya, menghormati dan mematuhi norma-norma dan nilai-nilai masyarakat."

Ini bermakna bahawa, selain memperkenalkan kemahiran 3M dalam KBSR, haruslah menumpukan perhatian kepada keseimbangan antara kemahiran 3M dan "isi" atau perkembangan ilmu pengetahuan yang bermakna. Dengan kata lain pengajian bahasa bukanlah semata-mata mengajar kemahiran berbahasa sahaja, petikan yang dibaca haruslah mengandungi isi yang boleh mencetuskan pemikiran, menambahkan ilmu pengetahuan atau memberi peluang menghayati hasil kesusasteraan kita seperti yang dihuraikan oleh Isahak Harun (1992).

“Memahami dan menggunakan peribahasa bahasa Cina (Chengyu)” merupakan salah satu kemahiran yang terkandung dalam Sukatan Pelajaran KBSR Bahasa Cina Tahun 6 (1986) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) Bahasa Cina (1987) di bawah aspek kemahiran membaca. Kemahiran ini ialah satu tindakan terhadap usaha membolehkan murid atau pelajar mencetuskan pemikiran, menambahkan ilmu pengetahuan dan menghayati hasil kesusasteraan kita seperti yang telah dinyatakan di atas.

Menurut Sun (1996), hampir setiap bangsa di dunia ini mempunyai peribahasa masing-masing. Peribahasa sebenarnya mencerminkan watak, budaya dan cara pemikiran sesuatu bangsa. Oleh itu, peribahasa Cina (Chengyu) ialah harta khazanah kebudayaan dan kesusasteraan orang Cina.

## **1.2 PERNYATAAN MASALAH**

Memahami dan menggunakan Chengyu adalah di antara kemahiran yang terdapat dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Cina baik untuk KBSR mahupun KBSM. Dalam Buku Panduan Khas Bahasa Cina Tahun 6 terbitan Kementerian Pelajaran Malaysia 1986, langkah-langkah pengajaran Chengyu disenaraikan untuk panduan guru-guru Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina (SRJK(C)). Ini telah menunjukkan pengajaran Chengyu ialah salah satu aspek pengajaran yang penting dalam Sukatan Pelajaran KBSR dan Sukatan Pelajaran KBSM.

Walau bagaimanapun, Chengyu tidak dimasukkan ke dalam Kandungan Pengajaran Sukatan Pelajaran Bahasa Cina KBSR 1982. Namun begitu, Chengyu telah muncul sebagai satu aspek bahasa dalam Kandungan Pengajaran Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Cina SRJK (C) Tahun 4 (1997) dalam KBSR 1994. Perubahan ini merupakan

satu pembaharuan yang penting dalam pengajaran Chengyu. Dalam “pengenalan” kepada bahagian Chengyu, keterangan mengenai aspek bahasa yang baru ini adalah seperti yang berikut:

“Pengajaran Chengyu telah pun bermula pada Tahun 3. Guru akan mengajar 80 rangkap Chengyu pada setiap Tahun 4, 5 dan 6. Jika perlu, guru boleh mengubahsuaikan bilangan Chengyu pada setiap tahun mengikut keadaan masing-masing. Selain itu, guru boleh mengawalkan pengajaran Chengyu pada tahap I. Jika perlu, guru boleh juga menambahkan bilangan Chengyu yang dicadangkan.”

Berasaskan tindakan-tindakan Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK), boleh dikatakan pengajaran Chengyu telah menjadi semakin penting, khasnya apabila 80 rangkap Chengyu telah disenaraikan dalam Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Cina Tahun 4 KBSR 1994 (Lampiran A). Senarai ini merupakan bahan rujukan yang belum pernah wujud dalam Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Cina KBSR 1982. Menurut Pn. Ho Wooi Cheng, Ketua Bahagian Bahasa Cina, daripada PPK, 160 rangkap lagi Chengyu untuk Tahun 5 dan 6 akan disenaraikan untuk rujukan guru-guru SRJK (C). Ini bermakna, pihak PPK berharap murid-murid dapat menguasai sekurang-kurangnya 240 rangkap Chengyu selepas 6 tahun persekolahan di SRJK (C).

Dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) setiap tahun, sekurang-kurangnya empat soalan berkenaan dengan Chengyu telah keluar dalam kertas Bahasa Cina untuk menguji tahap penguasaan Chengyu pelajar-pelajar Tahun Enam. Pada peringkat Peperiksaan Menengah Rendah (PMR) pula, antara 30 soalan objektif dalam Kertas Satu Bahasa Cina, sekurang-kurangnya dua soalan mengenai Chengyu ditanya. Oleh yang demikian, Chengyu boleh dikatakan suatu aspek yang penting dalam Sukatan Pelajaran peringkat rendah dan menengah rendah.

Chengyu telah luas digunakan dalam kehidupan harian, baik dalam percakapan ataupun penulisan. Dalam kebanyakan penulisan, khasnya penulisan perbincangan, Chengyu digunakan dalam hampir tiap-tiap ayat. Kadang-kadang beberapa rangkap Chengyu pula digunakan dalam sesuatu percakapan (Shi,1979).

Dalam buku teks Pelajaran Bahasa Cina Tahun 6A (1996), terbitan The Malayan Press Sdn. Bhd. yang telah diteliti oleh pengkaji, didapati sekurang-kurangnya dua rangkap Chengyu digunakan dalam setiap petikan pelajaran. Contoh-contoh petikan pelajaran dalam genre yang berlainan adalah disenaraikan dalam Jadual 1.1.

**Jadual 1.1**  
**Bilangan Chengyu Digunakan Dalam Petikan-Petikan Buku Teks**

Pelajaran	Tajuk	Genre	Bilangan Chengyu
1	Rukun Tetangga Negara kita	Perbincangan	2
2	Sertailah Majlis Perayaan	Syarahan	2
3	Datuk Hussin Onn Yang Arif	Naratif	3
4	Bangunan Perumahan Di Malaysia	Dialog	2
5	Melawat Ke Empangan Muda	Laporan Lawatan	2
7	Sukan SEA Ke 13	Siaran Berita	3
8	Tiga Orang Pahlawan Tempatan	Cerita Berdasarkan Sejarah	9

Dalam pasaran tempatan, banyak buku rujukan Bahasa Cina untuk peringkat sekolah rendah dan peringkat sekolah menengah telah menyediakan bab-bab tertentu untuk memperkenalkan Chengyu, dan Chengyu yang diperkenalkan biasanya besar bilangannya.

Dalam enam buah buku rujukan yang diteliti oleh pengkaji, sekurang-kurangnya 100 rangkap telah diperkenalkan dalam setiap buku itu. Selain itu, latihan-latihan dalam bentuk soalan objektif atau mengisi tempat kosong juga disediakan. Buku-buku rujukan yang disemak adalah seperti yang berikut:

**Jadual 1.2**  
**Bilangan Dan Latihan Chengyu Dalam Buku Rujukan Bahasa Cina**  
**Sekolah Rendah Dan Sekolah Menengah**

Judul Buku	Bab	Bil. Chengyu diperkenalkan	Jenis latihan & Bil. soalan
1. Kursus Persediaan B.C. UPSR (1993)	1 - 10	100	Objektif : 50 Isi tempat kosong : 50
2. Siri Bimbingan Pelangi: B.C. untuk UPSR/PKBS (1996)	3	187	Objektif : 95
3. Bahasa Cina UPSR (1996)	11&12	270	Objektif : 70
4. Buku Panduan Peperiksaan B.C. untuk Sek. Menengah (1984)	6	501	Objektif : 400 Isi tempat kosong : 400
5. Buku Rujukan B.C. KBSM (1990)	6	100	Objektif : 12
6. Siri Bimbingan Pelangi: B.C. Menengah Rendah (1990)	10	375	Objektif : 20

Pengkaji pernah menjalankan satu kajian untuk mengenal pasti kelaziman penggunaan Chengyu dalam karangan pelajar Tahun 6 di sebuah SRJK (C) di kawasan Kuala Kangsar, Negeri Perak pada tahun 1996. Dalam kajian kecil itu, data yang dikumpul ialah 10 buah karangan yang dihasilkan oleh 10 orang murid yang dipilih secara rawak

untuk menjadi sampel. Karangan-karangan yang telah diperiksa dan diberikan gred oleh guru Bahasa Cina dianalisis. Dapatan utama kajian kecil tersebut adalah masih terdapat 30% pelajar Tahun 6 tidak mampu menggunakan Chengyu dalam penulisan karangan.

Dapatan kajian itu telah mengingatkan kita bahawa terdapat satu gejala yang penting, iaitu masih terdapat pelajar Tahun 6 yang tidak dapat menggunakan sebarang Chengyu dalam karangan mereka, walaupun Chengyu telah dipelajari oleh murid tersebut sejak mereka dalam Tahun 3.

Liao (1978) telah mengendalikan satu kajian untuk mengkaji tahap penggunaan Chengyu pelajar sekolah menengah di Singapura. Dapatan beliau telah menunjukkan bahawa penguasaan Chengyu pelajar-pelajar adalah pada tahap 'tidak memuaskan'.

Ini telah menimbulkan persoalan bahawa walaupun Chengyu telah diajar dengan meluasnya di sekolah rendah dan menengah, mengapa pula tahap penguasaan Chengyu di kalangan pelajar masih tidak memuaskan?

Koh (1989) dalam perbincangan beliau terhadap pengajaran peribahasa Melayu, berpendapat bahawa satu kesan buruk daripada keadaan pengajaran ialah pelajar-pelajar tidak dapat memahami erti peribahasa yang telah diajarkan kepada mereka. Ini telah membuatkan mereka cenderung menghafal maksud peribahasa berkenaan sahaja.

Beliau juga berpendapat bahawa pengajaran peribahasa di sekolah menengah kita cenderung kepada berpusatkan guru, iaitu dengan guru memberikan penjelasan tentang maksud peribahasa yang hendak diajarkan dan pelajar-pelajar hanya terlibat secara pasif sebagai penerima maklumat.

Jika kita mengkaji dengan teliti, kita akan dapati bahawa tiga daripada empat langkah untuk pengajaran Chengyu yang disarankan dalam buku Panduan Khas Bahasa Cina (1987) juga cenderung kepada berpusatkan guru. Langkah-langkah yang dicadangkan itu adalah seperti yang berikut:

1. Guru menerangkan maksud Chengyu.
2. Guru mengisahkan cerita-cerita atau dongeng Chengyu berkenaan, serta menerangkan asal usulnya.
3. Guru menerangkan cara menggunakan Chengyu dengan memberikan contoh-contoh yang relevan.
4. Murid-murid berlatih menggunakan Chengyu.

Walaupun Chengyu telah dimasukkan ke dalam Kandungan Pengajaran Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Cina Tahun 4 KBSR 1994, dan senarai Chengyu telah juga disediakan untuk rujukan guru, tetapi langkah-langkah untuk pengajaran Chengyu yang dicadangkan adalah serupa dengan cadangan pada Sukatan Pelajaran Tahun 4 KBSR 1982. Ini telah menimbulkan satu persoalan. Walaupun PPK telah mula menganggap Chengyu sebagai satu aspek bahasa yang penting, tetapi masih tidak mengambil berat tentang kaedah pengajaran Chengyu yang berkesan.

Kewujudan persoalan pokok tersebut mungkin disebabkan strategi dan teknik pengajaran guru. Strategi dan teknik pengajaran guru boleh menentukan kejayaan atau kegagalan pengajaran dan pembelajaran. Pengajaran yang tidak berkesan boleh menyebabkan masalah-masalah penguasaan Chengyu di kalangan murid. Persoalan tersebut mungkin juga disebabkan murid-murid sendiri yang tidak berminat terhadap pengajaran dan pembelajaran Chengyu. Maka persoalan strategi dan teknik pengajaran

guru, dan minat murid terhadap pengajaran dan pembelajaran Chengyu telah menjadi tumpuan kajian ini.

### **1.3 TUJUAN KAJIAN**

Kajian yang akan dijalankan ini mempunyai tiga tujuan seperti berikut:

- a. Meninjau pengajaran Chengyu pada Tahun 6 dari segi strategi dan teknik pengajaran.
- b. Mengesan masalah-masalah yang dihadapi guru dalam usaha mencapai matlamat mereka dalam pengajaran Chengyu.
- c. Meninjau minat pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran Chengyu.

### **1.4 SOALAN KAJIAN**

Secara khusus, kajian ini ingin mencari jawapan bagi soalan-soalan berikut:

1. Apakah strategi yang digunakan oleh guru dalam pengajaran Chengyu?
2. Apakah teknik yang digunakan oleh guru dalam pengajaran Chengyu?
3. Apakah pandangan guru terhadap kegunaan pengajaran Chengyu dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Cina?
4. Apakah masalah yang dihadapi guru semasa mengajar Chengyu?
5. Sejauh manakah minat murid terhadap pengajaran dan pembelajaran Chengyu?

### **1.5 PENGTINGNYA KAJIAN**

Teknik mengajar merupakan unsur utama yang menentukan berjayanya atau tidak sesuatu proses pengajaran dan pembelajaran, dan sama ada pelajar berjaya mempelajari sesuatu kemahiran yang diajarkan oleh guru sangatlah bergantung kepada cara guru mengendalikan penyampaian dan pengajaran sesuatu kemahiran. Kajian yang cuba mengenal pasti strategi dan teknik pengajaran Chengyu guru ini dapat memanfaatkan guru-guru supaya menimbulkan kesedaran terhadap kelemahan dan kelebihan strategi dan



teknik yang digunakan dan seterusnya memikirkan strategi dan teknik yang lebih sesuai dan berkesan untuk mencapai matlamat pengajaran Bahasa Cina.

Dengan mengetahui minat dan kecenderungan murid-murid terhadap Chengyu, seseorang guru akan dapat menyesuaikan strategi dan teknik pengajaran sendiri untuk menjamin pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan.

## **1.6 DEFINISI ISTILAH-ISTILAH PENTING**

### **1.6.1 Pengajaran**

Menurut Abdul Aziz Talib (1989:150), pengajaran boleh ditakrifkan sebagai satu proses di mana murid-murid dibimbing oleh guru dalam mendapatkan sesuatu pengetahuan atau kemahiran dalam sesuatu bidang. Dalam proses tersebut pendekatan pedagogi yang paling logik digunakan oleh para guru adalah dengan memulakan pengajarannya daripada peringkat yang rendah kepada peringkat yang tinggi dan bukan sebaliknya. Dengan kata lain, guru menggunakan pengetahuan atau kemahiran yang sedia ada pada murid sebagai asas untuk membina tahap kemahiran yang lebih tinggi.

Menurut Koh (1989:297) pula, pengajaran merupakan satu proses kompleks yang dipengaruhi oleh pelbagai unsur. Selain kualiti pengajar, proses itu mungkin juga dipengaruhi oleh kecerdasan, bakat dan minat pelajar serta pengaruh motivasi, persekitaran sekolah, latar belakang keluarga, dan dorongan ibu bapa pelajar itu.

Untuk kajian ini, pengajaran bermaksud proses yang digunakan oleh guru untuk memperkenalkan maksud, asal usul dan kegunaan Chengyu kepada murid.

### 1.6.2 Chengyu

Ungkapan bahasa Cina yang biasanya terdiri daripada empat perkataan. Ia mempunyai susunan perkataan yang tetap dan mengandungi pengertian yang tertentu. Chengyu mempunyai asal usulnya, iaitu bersasal daripada cerita, dongeng, prosa klasik, puisi atau kata-kata khalayak ramai yang diwarisi dari semasa ke semasa.

Sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa peribahasa ialah satu aspek bahasa yang penting dalam Bahasa Melayu, Chengyu juga merupakan satu aspek bahasa yang penting dalam Bahasa Cina.

### 1.6.3 Strategi

Strategi ialah rancangan yang direka bentuk dan digunakan untuk mencapai sesuatu matlamat. Strategi tersebut juga bermaksud kebijaksanaan dalam menggunakan sesuatu perkara.

Dalam konteks pengajaran, strategi merupakan rancangan yang direka bentuk dan digunakan oleh guru untuk mencapai matlamat dalam suatu jangka masa tertentu.

Untuk kajian ini, strategi ialah kebijaksanaan guru dalam merancang dan menjalankan aktiviti pengajaran untuk mencapai matlamat yang ditetapkan. Guru yang mengajar Chengyu kepada murid Tahun 6 hendaklah membuat perancangan

yang bijaksana untuk mencapai matlamat pengajaran untuk tahun persekolahan tersebut. Ini termasuklah teknik pengajaran yang dipilih, kekerapan mengajar Chengyu, bilangan Chengyu yang diajar, pemilihan Chengyu dan alat bantu mengajar yang digunakan.

#### 1.6.4 Teknik

Mengikut Raminah & Rahim (1985: 29), teknik ialah cara sesuatu isi pelajaran itu disampaikan. Ini meliputi bentuk-bentuk aktiviti tertentu yang akan ditekankan dalam pengajaran seperti dialog, lakonan, cerita, latih tubi, permainan dan sebagainya.

Menurut Abdullah Hassan (1987: 160) pula, teknik ialah satu muslihat yang digunakan oleh guru untuk menyampaikan butiran pengajaran. Beliau berpendapat bahawa [muslihat] digunakan juga untuk mencapai tujuan yang telah ditentukan.

Untuk kajian ini, teknik merupakan aktiviti, perlakuan dan kemahiran guru yang digunakan dalam pengajaran untuk mencapai objektif pengajaran Chengyu.

#### 1.6.5 Kegunaan Pengajaran Chengyu Bahasa Cina

Kegunaan pengajaran Chengyu merujuk manfaat yang diperoleh oleh murid daripada Chengyu yang diajar dalam kelas. Ini termasuk penggunaan Chengyu dalam kehidupan harian seperti semasa mengarang, pertuturan dan sebagainya.